

Recent Malay Books from Malaysia – Oct 2023

Mary Martin Booksellers Pte Ltd
Blk 231, Bain Street
#03-05, Bras Basah Complex
Singapore 180231
Tel : +65-6883-2284/6883-2204
info@marymartin.com
www.marymartin.com

Biography/Memoirs

Ella: Rockers Juga Manusia (Bahagian 1) / Nor Zila Aminuddin
Shah Alam, Selangor: Ben Jawi Ventures Sdn Bhd, 2023
192p. ; 21cm.
9786299775300
\$ 18.00 / PB
205gm.

Nor Zila Aminuddin atau lebih dikenali dengan nama pentasnya, Ella, merupakan ikon rock terkenal di rantau ini, khususnya di Malaysia. Ella memulakan kerjayanya sebagai satu-satunya wanita di kalangan lelaki yang menguasai arena muzik rock tempatan. Kecekalannya menongkah arus telah berjaya membuka jalan kepada penyanyi-penyanyi rock wanita lain .

Buku ini menceritakan kisah hidup Ella dari kecil hingga dewasa. Dari zaman awal kemunculannya ke zaman popularitinya meningkat naik, sehingga diberi gelaran Ratu Rock. Ella juga mengimbuai kembali memorinya yang mula menyanyi di pentas sekolah hingga beraksi di pentas antarabangsa di Jepun.

Di dalam buku ini, penyanyi berstatus legenda ini turut memuatkan kisah peribadi yang belum pernah diceritakan kepada umum.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857851>

Mencari Identiti Budak Surau / Mahmood Zuhdi Ab Majid
Negeri Sembilan, Malaysia: Ilham Books, 2020
xxii, 210p.
9789672007364
\$ 17.50 / PB
250gm.

Budak Surau adalah cerita hidup seorang budak kampung yang lahir dalam sebuah keluarga tradisional Melayu yang konservatif, dan bagaimana ia berusaha mengeluarkan dirinya dari kepompong asal tersebut tanpa melupakan hakikat bahawa dia sebenarnya sebahagian daripada kepompong itu. Perjalanan beliau yang penuh kisah, membentuk beliau sehingga ke tahap seperti hari ini, wajib dibaca oleh anak muda yang dahaga ibrah sebuah kembara mencari identiti, untuk makna sebuah kehidupan.

Budak Surau adalah merupakan jilid pertama daripada enam jilid, dalam siri autobiografi Prof. Emeritus Dato' Dr Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid yang beliau namakan sebagai Mencari Identiti.

<http://www.marymartin.com/web?pid=743690>

Ecology/Environment Studies

Bunga-Bunga Yang Boleh Dimakan / Zawiah Ngah, Dasrul Iskandar Darus & Rosdi Koter
Kepong, Selangor: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, 2022

xiv, 152p.

Include Bibliography.

9789672810407

1. Plants, Edible.
2. Flowers.
3. Floral products.
4. Cooking (Flowers).

\$ 50.00 / HB

830gm.

Buku Bunga-Bunga yang Boleh Dimakan ini memaparkan tentang bunga-bunga terpilih yang boleh dijadikan makanan. Buku ini memuatkan foto berwarna-warni, huraian ringkas yang mudah difahami serta dilengkapi maklumat tentang nama-nama botani dan famili. Fokus buku ini adalah terhadap bahagian bunga-bunga yang boleh dimakan, dijadikan bahan perisa dalam masakan dan minuman, dan sebagai hiasan makanan. Bunga-bunga boleh dimakan sebagai sayuran, dijadikan minuman dan sebagai herba bagi menerbitkan rasa yang unik kepada hidangan. Keperbagaian campuran bunga memberi idea kepada tukang masak untuk menghasilkan resepi yang Baharu dan lazat. Hidangan yang dihasilkan akan kelihatan berwarna-warni, lazat, menarik serta dapat membangkitkan selera.

<http://www.marymartin.com/web?pid=842589>

Sumbangan Bengkel Kerja Kayu: Dalam Pembangunan Infrastruktur FRIM 2003 – 2020 /
Khairul A, Mohd Fahmi A, Wan Tarmeze WA, Zairul AR

Kepong, Selangor: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, 2022

xii, 112p.

9789672810193

1. Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia. Bengkel Kerja Kayu—History—2003-2020.
2. Forest and forestry—Research—Malaysia.
3. Woodwork—Malaysia
4. Woodworking industries—Malaysia.

\$ 55.00 / HB

735gm.

Buku 'SUMBANGAN BENGKEL KERJA KAYU DALAM PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR FRIM 2003-2020' memaparkan pelbagai aktiviti dan komitmen warga MMP, dilengkapi dengan gambar-gambar terpilih yang melibatkan Cawangan Pemprosesan Bahagian Keluaran Hutan dan FRIM khususnya dari tahun 2003 hingga 2020. Semua gambar aktiviti merupakan koleksi simpanan penulis-penulis dan semuanya merupakan pegawai penyelidik FRIM.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857852>

Health & Medicine

Khazanah Perubatan Melayu: Tumbuhan Ubatan Jilid 4 / Nik Musa'Adah Mustapha, Nik
Zanariah Nik Mahmood, Nor Azah Mohamad Ali & Norini Haron

Keping, Selangor: Institut Penyelidikan Perhutanan, 2022.

xxii, 324p. ; 26cm.

Include Bibliography & Index.

9789672810254

1. Traditional medicine.
2. Herbs—Therapeutic use.
3. Malay (Asian people)—Medicine.
4. Alternative medicine.

\$ 90.00 / HB

990gm.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857853>

History

Al-Raniyriy: Tentang Asal Mula dan Tabii Segala / Shaharir Mohamad Zain

Kuala Lumpur: Penerbit University Malaya, 2023

xiv, 336p.

Include Index

9789674882488

1. Manuscripts, Malay
2. Science—Manuscripts

\$ 36.00 / PB

485gm.

Buku ini bertujuan menghakiskan sedikit-sebanyaknya pandangan/ kepercayaan bahawasanya bahasa Melayu tidak pernah mengandungi sains. Manuskrip yang dibicarakan mengandungi sains biologi dan sains fizik (termasuk astronomi, kosmologi, kosmogoni dan kosmogogenesis) dan ditulis dalam pertengahan separuh pertama abad ke-17 M.

Buku ditujukan kepada para guru dan pensyarah sains (terutamanya biologi dan fizik), pengajian Melayu dan orang awam amnya terutamanya peminat sejarah tamadun Malayonesia berbahasa Melayu Istimewanya buku ini ialah buat pertama kalinya pembaca berpeluang mentelaah, menikmati atau menyaksi sendiri dengan konkrit dan eksplisitnya akan tahap bahasa Melayu abad ke-17 sebagai bahasa sains dan sains yang dibicarakan sebahagiannya mendahului yang dibicarakan di Eropah kemudiannya.

Malah ada unsur sainsnya yang berpotensi dikontemporerkan. Lebih istimewa lagi kerana sarjana yang membicarakan sains biologi dan fizik ini ialah bukan seorang yang ber-ADN/DNA Melayu tetapi seorang sarjana ulama yang berasal dari Gujerat, India dan berhijrah ke Aceh dan Pahang hanya untuk sekitar 10 tahun sahaja. Kebolehannya berkarya dalam Bahasa Melayu membuktikan bahasa Melayu bertaraf bahasa antarabangsa dan bahasa ilmu pada abad ke-17 M.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857854>

Puteri Dewi Murni / Mohamad Shahidan & Musazliza Mustan Shir

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2023

xxiv, 66p.

Include Bibliography & Index

9789834937720

\$ 6.50 / PB

115gm.

Cerita Puteri Dewi Murni merupakan salah satu daripada cerita lisan Melayu yang dikategorikan sebagai cerita lipur lara yang disampaikan oleh Ismail bin Hassan dalam loghat Perlis dan dirakam oleh Encik Rejab bin Ismail (Rejab F. I.) pada tahun 1979. Struktur yang membangunkan cerita lipur lara Puteri. Puteri Dewi Murni juga mempunyai perbezaannya daripada struktur cerita lipur lara yang lain, terutama dari segi latar tempatnya. Latar tempatnya berpusat di alam nyata yang terdapat di negeri Perlis dan

berhubungan pula dengan latar beberapa buah tempat yang terdapat di selatan Thailand. Cerita lipur lara ini mengisahkan usaha seorang putera raja, iaitu Balang Kesakti yang ingin menuntut bela atas penganiayaan terhadap bondanya, Puteri Dewi Murni. Mereka berpisah sejak dia dilahirkan. Akhirnya, Balang Kesakti bertemu dengan bondanya setelah melalui pengembaraan yang penuh cabaran.

<http://www.marymartin.com/web?pid=855003>

Piring Puisi Melayu / Abu Muawiyah

Kajang, Malaysia: Maktabah Nasir Addunya Waddin Enterprise, 2023

x, 326p.

9786299792208

\$ 27.50 / PB

540gm.

Piring Puisi Melayu merupakan sebuah kajian yang mendalami keindahan dan kedalaman seni puisi yang dihias pada kepingan piring-piring Eropah yang masuk ke Alam Melayu menerusi Betawi, Indonesia. Piring Eropah terhias puisi-puisi Melayu sememangnya memilih daya tarikan cukup tinggi. Paparannya bukan sahaja menawan ai yang melihat, bahkan turut mempesonakan hati yang membacanya. Adapun di sini akan dihuraikan serba sedikit elemen-elemen yang terkandung di muka hadapan dan belakang piring puisi Melayu beserta variasinya. Turut disentuh hal-hal selainnya berkaitan latar piring puisi Melayu yang mesti diketahui oleh setiap pembaca. Penulis membawa pengenalan kepada struktur dan elemen yang terkandung dalam piring puisi Melayu berpandukan gambar rajah piring yang diberikan.

Pada tahun 1850 hingga 1900 telah menyaksikan kemasukan besar-besaran seramik khususnya berbentuk piring dan mangkuk dari Eropah. Persaingan antara firma-firma Eropah juga sengit berlaku terutama dalam usaha untuk memonopoli pasaran seramik di Alam Melayu. Maka kita dapat lihat persaingan lebih tertumpu kepada peragaan muka hadapan piring dalam upaya menambat hati penduduk Alam Melayu di samping soal kualiti, reka bentuk, harga dan keselesaan. Adapun secara umumnya piring-piring seramik Eropah yang masuk ke Asia Tenggara dapat dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama adalah piring-piring yang bersifat umum bagi pasaran universal. Piring-piring ini dieksport bukan sahaja ke wilayah-wilayah Asia Tenggara, bahkan juga ke serata pelosok alam dan hari ini ia turut dapat ditemui di negara-negara luar yang lain. Manakala kategori kedua pula adalah pasaran khusus bagi Asia Tenggara dan kebanyakan disasarkan ke negeri-negeri Melayu.

Piring seramik dalam kategori kedua ini memaparkan gambaran negeri-negeri Melayu, haiwan, tumbuhan, buah-buahan, ilustrasi latar pemandangan negeri-negeri Melayu, nama-nama wilayah dalam Alam Melayu, bertulisan rumi dan jawi, kalimah syahadah, nama-nama khalifah Islam, dan puisi-puisi Melayu nan indah dalam tulisan jawi. Untuk paparan puisi-puisi tersebut, dikaji secara khusus menerusi buku ini. Adapun diketahui piring-piring bertulis puisi Melayu ini telah dikeluarkan oleh firma W. Adams & Sons, J., Hawley dan F. Regout & Co. Dianggarkan piring-piring ini dikeluarkan seawal 1850 manakala keluaran F. Regout agak lewat iaitu sekitar tahun 1892-1896.

<http://www.marymartin.com/web?pid=855005>

Hikayat Tuan Puteri Saadong / Wahyunah Haji Abd. Gani & Norhayati Ab. Rahman

Siri Warisan Sastera Klasik

Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2023

liii, 72p.

Include Bibliography & Index.

9789834937737
\$ 7.50 / PB
160gm.

Hikayat Tuan Puteri Saadong merupakan salah sebuah karya yang tergolong dalam genre legenda yang memaparkan kehebatan, kebijaksanaan dan karamah yang dimiliki oleh Tuan Puteri Saadong. Keistimewaan inilah yang menjadikan Tuan Puteri Saadong seorang tokoh Wanita yang termasyhur di negeri Kelantan. Hikayat ini juga menganjak pembaca menghayati perjuangan srikandi Wanita, sekali gus mengangkat kisah sejarah dan fiksi negeri Kelantan.

Penerbitan karya klasik ini amat berguna sebagai rujukan pelajar dan pengkaji sastera, di samping menambah dan memperkaya khazanah persuratan negara khususnya yang berhubung dengan ketokohan Wanita dari negeri Kelantan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857856>

Suami Isteri Naik Haji: Kembara Raja Shahabuddin dan Rahmah 1939-1940 / Abdur-Razzaq Lubis

Pulau Pinang, Malaysia: Areca Books Asia Sdn Bhd, 2023
ix, 322p.

Include Index.
9789675719462
\$ 35.00 / PB
585gm.

Raja Shahabuddin dan isterinya Rahmah naik haji dari Malaya pada 1939-1940. 'Peperangan Besar Eropah' baru sahaja meledak di dunia atas angin sembari 'U-boats' (kapal selam Jerman) menjadi jerung yang bermaharajalela di lautan lepas. Pasangan suami isteri tersebut bertarung nyawa meredah samudera dan sekujur tanah gurun untuk mencukupkan rukun Islam yang kelima, biarpun syarak mengizinkan keuzuran mengambil kira laluan yang tidak aman dan membahayakan jiwa raga.

Raja Haji Shahabuddin bin Raja Bilah (1884-1968) menjadi saksi mata kebengsekan nasionalisme Arab, kewujudan 'pasar budak' memperdagangkan gadis perawan dan kanak-kanak di Mekah, serta kerakusan puak Wahabbi meranapkan kubah-kubah kaum kerabat Rasulullah, selawat dan salam ke atasnya, di kota-kota kudus umat Islam.

Karya Raja Shahabuddin yang ditinta dalam aksara Jawi dan dicetak pada 1941 sebelum pendudukan Nippon (hanya satu naskhah sahaja yang dapat dikesan) merupakan kesinambungan mata rantai dan rekod zaman pengerjaan haji pada abad ke-20, mengisi lompong (lacuna) rihlah dari Tanah Semenanjung ke Tanah Haji Hijaz al-Jazirah Arab. Kisah ini adalah satu-satunya babad haji yang 'gender sensitive', justeru ia menawarkan wacana tentang gerak-geri isterinya Rahmah sepanjang pertualangan mereka.

<http://www.marymartin.com/web?pid=856704>

SITC dalam Perjuangan Kemerdekaan Pencetus Kebangkitan Rakyat / Ishak Saat & Ahmad Zainudun Husin

Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2023
xiv, 442p.

Include Bibliography & Index.
9786297524269
\$ 25.00 / PB
650gm.

Sultan Idris Training College (SITC) terletak di Tanjong Malim, Perak merupakan gedung ilmu yang amat penting dalam sejarah perjuangan kemerdekaan Malaysia. Ia juga dikenali

dengan jolokan Universiti Melayu. Kewujudan SITC bukan sahaja dapat menampung keperluan tenaga guru tetapi turut mencetuskan semangat yang luar biasa dalam kalangan guru pelatih SITC untuk lebih gigih menggalas tanggungjawab sebagai seorang pendidik demi mendidik dan memajukan anak bangsa demi masa depan Tanah Melayu. Lulusan SITC berusaha untuk memberikan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang pentingnya kemerdekaan negara. Mereka berjuang melalui pelbagai jalur antaranya melalui politik dan menggunakan jalur bahasa dan kesusasteraan Melayu. Mereka terkenal sebagai pejuang kemerdekaan yang mencetuskan gelombang kebangkitan rakyat demi sebuah kemerdekaan. Jasa dan pengorbanan pejuang terdahulu mesti dihargai dan difahami generasi masa kini. Lantaran itu, buku ini mesti dimiliki dan dibaca oleh mereka yang meminati tentang sejarah perjuangan kemerdekaan Malaysia.

<http://www.marymartin.com/web?pid=856683>

Sejarah Selangor 1766-1939 / J. M. Gullick
Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur: IBDE Ilham Sdn. Bhd. , 2022
xvi, 328p.
9789670037042
1. Selangor (Malaysia)—History.
\$ 35.00 / HB
645gm.

Buku ini menawarkan periwayatan sejarah Selangor bermula dari penubuhan negeri pada tahun 1766 sehingga tahun 1939 yang disimpulkan sebagai pengakhiran zaman praperang. Sejarah ini merangkumi sudut kehidupan di Selangor yang rencam antaranya pemerintahan negeri Melayu, pergelutan kuasa yang tercetus, kegiatan perlombongan, pertanian dan perladangan, perang saudara Selangor, campur tangan penjajah British, kemajuan negeri serta pelbagai lagi. Bab-bab akhir buku ini membincangkan masa hadapan kerajaan Melayu dan kedudukan Selangor dalam Negeri-negeri Melayu Bersekutu sebelum terbentuknya gagasan Persekutuan Tanah Melayu.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857857>

Duka Tuan Bertakhta / Isa Kamari
Kajang, Selangor: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd, 2023
x, 462p.
9789672422440
\$ 27.50 / PB
585gm.

Batu Bersurat Singapura bersepai.
Serpihannya mendarat di atas kepala pembesar istana. Tanjak di kepalanya terluhut dan dipijak oleh Gabenor dalam suasana yang membingungkan itu.
Dia terpaku.
Tiba-tiba dia merasakan sejarah tidak akan melupakan dan mengampunkannya.

"Masyghul sangat hatiku melihat manusia ini. Hidup di dunia tidak, akhirat pun tidak, duduk dengan mengeraskan hawa nafsu sendiri sahaja. Seperti kata Arab: jahil murakab, ertinya jahil bersusun dua kali, bodoh sekali, bodoh tiada tahu, dua kali bodoh, orang memberitahu pun dia tiada mahu turut." - kata-kata Munsyi Abdullah terhadap orang Melayu Singapura.

Isa Kamari mengadun sejarah pembukaan Singapura pada abad ke-19 dalam bentuk naratif cerita yang epik - berani, imaginatif dan provokatif.
Novel ini memberi pandangan dan ma'na baharu terhadap sejarah dan nasib bangsa Melayu untuk pedoman masa kini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857858>

Republik Marga Satwa: Terjemahan Animal Farm (1945), Penterjemah Al-Mustaqeem M. Radhi / George Orwell
Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur: IBDE Ilham Sdn. Bhd. , 2023
140p.
9789670037257
\$ 15.00 / PB
95gm.

Seperti sosialis dan komunis yang konon berjuang demi rakyat, menjanjikan bulan, bintang dan syurga kepada semua, sekata dan setara tiada memilih bulu, demikianlah janji segunung gandum dan padang hijau penuh bahagia buat para penghuni Ladang Binatang. Janji dan undang-undang diubah-ubah sesedap rasa penguasa (dalam satira ini, mereka adalah babi). Bakal tergapakah syurga?

<http://www.marymartin.com/web?pid=857859>

Risālah Ḥayy ibn Yaqzān: Terjemahan Melayu-Jawi oleh Aḥmad 'Abd al-Qādir ibn 'Abd al-Raḥmān Filfilānī / Ibn Tufayl
Kajang, Selangor: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd, 2023
In Jawi & Malay Language
xiv, 128p.
Include Bibliography & Index.
9789672422457
\$ 17.50 / PB
235gm.

Risalah Hayy Ibn Yaqzan adalah satu-satunya karya Ibn Tufayl (m. 1185M) yang diketahui. Karya ini ditulis berlatarbelakangkan kerancakan pertembungan aliran pemikiran falsafah, kalam dan tasawwuf dalam kepesatan tamadun Islam.

Risalah ini mengetengahkan wacana falsafah dalam bentuk cerita. Ceritanya bertumpu kepada watak Hayy Ibn Yaqzan dalam mencari kebenaran bersumberkan 'aql fikiran. Istimewanya karya ini diterjemahkan ke Bahasa Melayu-Jawi pada awal abad ke-20, iaitu pada zaman permulaan perkembangan kesusasteraan Melayu moden. Penterjemah berjaya menggarap wacana falsafah dengan menggunakan kerangka tradisi bahasa Melayu-Jawi.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857860>

Hamzah Dalam Tradisi Keilmuan Bahasa Jawi / Muhammad Syukri Rosli & Muhammad Amir Ashraf Rosdin
Kajang, Selangor: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd, 2023
In Jawi & Malay Language
xii, 116p.
9789672422419
\$ 17.50 / PB
175gm.

Bermula abad ke-20, istilah "Bahasa Jawi" tidak lagi digunakan, sebaliknya, istilah yang semakin lekat digunakan pada lisan dan siaran ialah "Tulisan Jawi". Hingga sa'at ini, wacana-wacana dan penerbitan-penerbitan Jawi masa kini hanya menumpukan kepada faham "Tulisan" Jawi itu semata-mata. Kandungan wacana dan penerbitan "Tulisan Jawi" hanya terhad kepada percakapan eja-mengeja dan salah-betulnya sahaja. Lebih malang, kandungan percakapan eja-mengeja ini pula dibina berdasarkan kerangka fikir baharu yang tercabut daripada akar tradisi ke'ilmuan Bahasa Jawi. Bahana daripada

cara fikir "Tulisan" Jawi itu ialah ia tidak lagi menepati kerangka tradisi ke ilmuannya, bahkan tersilap pula menggunakan cara dan kerangka fikir tulisan Rumi dalam menggubal hukum hakam penggunaannya.

Shahdan risalah ini dipadatkan kepada satu huruf istimewa dalam tradisi ke'ilmuan Bahasa Jawi -iaitulah huruf Hamzah (ء)- supaya Jawi dapat diperhatikan dalam kerangka perbahathan bahasa yang padu, jitu dan menyeluruh. Istimewanya, risalah ini menggunakan sumber-sumber naskhah tangan (manuskrip) dan kitab bahasa daripada tradisi ke'ilmuannya sendiri; bahkan digalurkan dengan kerangka fikir yang tepat dengan lagak dan kacak tradisi ke'ilmuan bahasanya yang sejati dan sejadi.

<http://www.marymartin.com/web?pid=850959>

Suluhan Falsafah pada mentafsirkan Surah al-Fatihah / Kiyai Haji Ahmad Zuhri Mutammim Kajang, Selangor: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd, 2023

In Jawi & Malay Language

xvi, 348p.

Include Index

9789672422464

\$ 27.50 / PB

560gm.

Kiyai Ḥāji Aḥmad Zuhri bin Mutammim ialah salah seorang daripada `ulama terkemuka Singapura. Beliau merupakan Yang di-Pertua pertama Persatuan Guru-guru Agama Islam Singapura yang kini dikenali sebagai Persatuan `Ulama dan Guru-guru Agama Islam Singapura (PERGAS). Adapun kitab Suluhan Falsafah yang berada di tangan anda ini merupakan salah satu daripada sekian banyak karangan Kiyai Ḥāji Aḥmad Zuhri. Suluhan Falsafah merupakan sebuah kitab tafsir kepada Sūrah al-Fātiḥah yang istimewa, kerana perbicaraannya turut menyentuh bidang-bidang `ilmu semasa seperti astronomi, geografi, dan kesihatan tanpa meninggalkan perbicaraan `aqidah, sharī'at dan taṣawwuf.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857862>

Qawam Al-Din: Pada Menerangkan Perdirian Agama / Tuan Guru Haji Ahmad Hashimi Kajang, Selangor: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd, 2023

In Jawi & Malay Language

xvi, 146p.

9789672422488

\$ 17.50 / PB

265gm.

Qawām al-Dīn pada Menerangkan Perdirian Agama merupakan salah satu karangan istimewa Tuan Guru Ḥāji Aḥmad Ḥāshimī yang membahathkan perihal rukun īmān. Naskhah ini sangat nadir kerana dipercayai satu-satunya karya bahasa Jawi berbentuk kitab tunggal yang terawal ditashīḥkan oleh `alim ulung Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah Tanah Melayu, iaitu Shaykh `Abdu'Liāh Fahim. Hal ini tidak menghayrkan kerana hubungan aqrab antara Tuan Guru Ḥāji Aḥmad Ḥāshimī dengan gurunya itu, semasa menuntut dan berkhidmat di Madrasah Dā'irat al-Ma`ārif al-Waṭaniyyah, Kepala Batas.

Qawām al-Dīn dikarang oleh Tuan Guru Ḥāji Aḥmad Ḥāshimī atas permintaan Shaykh `Abdu'Liāh Fahim, sebagai pertolongan khayrat Madrasah Dā'irat al-Ma`ārif al-Waṭaniyyah ke atas Tuan Guru al-Ustādh Ḥāji Abū Bakar al-Bāqir yang sedang bergelut mendirikan Madrasah al-Iḥyā' al-Sharīf, Gunung Semanggol. Naskhah Qawām al-Dīn yang ringkas dan kemas ini menjadi bukti penzahiran kasih seorang tuan guru dan semangat setia kawan anak muridnya dalam mendidik anak bangsa mencapai kebahagiaan dan kemuliaan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857863>

Tafsir Mawdui Sungai / Zulkifli Mohd Yusoff & Zaini Ujang
Kajang, Selangor: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd, 2023
In Jawi & Malay Language
xii, 256p.
Include Index
9789672422501
\$ 87.50 / PB
1050gm.

Buku ini dirangka dan ditulis kerana menyedari betapa banyak ayat al-Qur'än dan hadith Nabi Muhammad & menyebut tentang sumber air, terutamanya sungai. Namun demikian, jarang dibicarakan tentang sungai daripada perspektif al-Qur'än dan hadith dalam menangani perkembangan masyarakat, melentur aktivisme alam sekitar atau mencorakkan majlis ilmu di serata dunia. Tafsir mawdu'i atau bertema adalah kaedah penulisan yang cuba mengumpulkan ayat-ayat al-Qur'an dalam tema yang sama untuk dikaji, kemudian difahami supaya mudah dihayati dan dilaksanakan sepanjang hayat. Dalam sejarah perkembangan ilmu tafsir al-Qur'än, pemahaman dalam tema-tema utama - khususnya berkaitan dengan hal ehwal perundangan dan aspek kehidupan lain memudahkan proses rujukan, pengajaran dan penghayatan. Ini melibatkan kepakaran disiplin ilmu pengajian al-Qur'an dan disiplin ilmu sesuatu tema yang dibicarakan. Ini sesuai dengan pengertian mawdu'i yang bermaksud masalah pokok atau isi pembicaraan yang berkaitan dengan aspek-aspek kehidupan manusia, khususnya yang relevan dengan suasana semasa yang terkandung dalam al-Qur'än. Itulah yang mendorong kami berusaha untuk mengkaji hampir semua kitab tafsir utama yang ada di pasaran, bukan sahaja tafsir muktabar malah termasuklah tafsir terbaharu dalam bahasa Inggeris dan Melayu (dan Indonesia) untuk mencari "kerangka dan ajaran berkaitan sungai" dalam al-Qur'an. Ternyata, tidak banyak bahan tafsir yang boleh dikumpulkan dari perspektif ilmu yang pelbagai. Biasanya istilah atau perumpamaan sungai ditafsirkan dalam konteks tema-tema besar lain, seperti sifat Alläh Yang Maha Berkuasa yang menciptakan alam sejagat, anugerah Allah kepada manusia, gesaan supaya berfikir tentang ciptaan alam, supaya sejarah para nabi dan balasan serta nikmat di syurga. Ada juga pentafsiran menjurus kepada perbincangan istilah, bahasa dan huraian hadis yang berkaitan dengan sebab musabab penurunan sesuatu ayat berkaitan sungai.

Al-hamdu li'Lläh, kami memulakan penulisan Tafsir Mawdu'i Sungai menggunakan pendekatan peristilahan dengan mencari ayat-ayat al-Qur'än yang berkaitan sungai, kemudian dibahagikan mengikut dua mawdu' yang khusus: (a) sungai di dunia (15 ayat) dan (b) sungai di akhirat (41 ayat berkaitan sungai di dalam syurga). Al-Kawthar juga dibincangkan menurut pelbagai perspektif dalam kalangan ahli tafsir muktabar dan semasa yang hampir sepakat bahawa Al-Kawthar adalah sungai yang merupakan salah satu anugerah istimewa kepada Nabi Muhammad & di akhirat kelak.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857864>

Linguistics

Linguistik Sejarah: Pertumbuhan, Perkembangan dan Penyebaran Bahasa / Asmah Haji Omar
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022
xviii, 490p.
Include Bibliography, Index
9789834935269

1. Historical linguistics.
2. Language and history.
3. Language and languages.

\$ 30.00 / PB

580gm.

Kandungan buku ini, Linguistik Sejarah: Pertumbuhan, Perkembangan dan Penyebaran Bahasa memasukkan juga cabang-cabang lain, sesuai dengan tajuk kecilnya. Sejarah bahasa meliputi sejarah manusia dalam memajukan peradabannya, dalam konteks sosiobudaya dan kemajuan intelek, serta juga konteks geografi. Bahasa tumbuh dalam diri manusia sejak lahir sebagai lambang bunyi; kemajuan inteleknya tercapai apabila lambang grafik (tulisan) diperoleh dan dikuasainya. Semuanya ini diperkatakan dalam buku ini dengan gaya naratif yang mudah difahami.

<http://www.marymartin.com/web?pid=854999>

Dialek Melayu Hulu Pantai Timur Semenanjung Malaysia / Mohd Tarmizi Hasrah
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022

xxxviii, 378p.

Include Bibliography & Index

9789834937294

1. Malay language—Dialects—Malaysia—Kelantan.
2. Malay language—Dialects—Malaysia—Terengganu.
3. Malay language—Dialects—Malaysia—Pahang.

\$ 32.50 / PB

60gm.

Dialek Melayu Hulu Pantai Timur Semenanjung Malaysia membahaskan dua isu utama, iaitu perbezaan ciri linguistik dialek-dialek Melayu di kawasan hulu dan di kawasan hilir; dan hubungan antara dialek-dialek Melayu hulu di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Berasaskan kerangka dialektologi diakronik dan linguistik sejarawi, dua isu yang dibahaskan ini merumuskan bahawa walaupun dialek-dialek hulu yang dikaji memiliki ciri khusus masing-masing yang membolehkannya membentuk cabang tersendiri dalam model rajah pohon, namun kewujudan ciri khusus tersebut berkembang daripada dialek (yang diistilahkan sebagai pradialek) yang mengekalkan beberapa ciri bahasa dan dialek purba. Maksudnya, inovasi fonologi dialek-dialek Melayu hulu di pantai timur Semenanjung Malaysia berkembang daripada sistem fonologi pradialek yang dinyatakan.

Kesimpulan seperti ini sangat memberikan ruang pada lagu sejarawi yang menegaskan bahawa pada suatu ketika dahulu orang yang kini bertutur dalam dialek Melayu hulu Pahang, dialek Melayu hulu Kelantan, dialek Melayu hulu Terengganu dan dialek Melayu hulu Tembeling pernah bertutur dalam dialek yang serupa. Mungkin pradialek ini boleh sahaja digelar secara tentatif sebagai dialek Melayu hulu pantai timur Semenanjung purba. Keserupaan menuturkan pradialek ini mungkin terjadi setelah penutur bahasa Melayu purba yang sampai di Semenanjung Malaysia dari Sumatera (dari Borneo sebelumnya) sebahagiannya tersebar ke kawasan hulu pantai timur Semenanjung Malaysia, Akibat perkembangan masa dan sekatan geografi, maka penutur dialek tersebut menyerlahkan ciri khusus dialek masing-masing. Analisis dan kesimpulan buku ini membuka ruang perbincangan baharu tentang gejala penyebaran dialek-dialek Melayu dan pembongkaran aspek sejarawinya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=854884>

Literature

Kombo Ngeri / Gina Yap Lai Yoong
Petaling Jaya, Malaysia: Buku Fixi Sdn Bhd, 2023
472p.
9789670042541
\$ 20.00 / PB
620gm.

Kombo yang menggabungkan ketiga-tiga buku:
NGERI: Beberapa pembunuhan menimbulkan ketakutan di kalangan rakyat Malaysia. Setiap kes adalah 100% serupa dengan skrip sadis yang ditulis mahasiswa Samuel, Rehan, dan Joanne. Adakah mereka dalang di sebalik siri pembunuhan itu?
MANGSA: Nazwan dan Natalia adalah friends-with-benefits yang mula menyoal sama ada terputiknya cinta antara mereka. Juga, persahabatan luar biasa Hani dan Jo menyebabkan ramai terlopong. Apakah kaitan mereka dengan kes-kes NGERI sebelum ini?
OBSESI: Tiga tahun telah berlalu, namun Detektif Hema masih dihantui kes-kes yang gagal diselesaikannya - yang melibatkan tiga bekas mahasiswa tersebut. Seiauh manakah detektif ini sanggup pergi untuk akhirnya menangkap penjenayah itu?
Siapakah psiko sebenar?

<http://www.marymartin.com/web?pid=857866>

Katarsis / Anastasia Aemilia
Petaling Jaya, Malaysia: Buku Fixi Sdn Bhd, 2023
264p.
9789670042596
\$ 12.45 / PB
215gm.

Tara, gadis berusia 18 tahun, satu-satunya saksi dalam jenayah tragis di rumah pakciknya di Bandung, Indonesia. Ketika ditemui, dia dikurung di dalam kotak perkakas kayu dalam keadaan trauma. Dan semasa penyelidikan polis, satu demi satu petunjuk mula menampakkan keganjilan.

Dr. Alfons ialah psikiatris yang berusaha membantu Tara. Ia tidak mudah. Ada sesuatu dalam masa lalu Tara yang disembunyikan gadis itu dengan sangat rapat. Namun sebelum hal itu terdedah, muncul Ello — jejak yang pernah menjadi kawan Tara semasa mereka kecil.

Serentak dengan kemunculan Ello, polis berhadapan dengan kes pembunuhan bersiri yang melibatkan kotak perkakas kayu seperti yang dipakai untuk mengurung Tara. Adakah Tara hanya mangsa atau dia menyembunyikan jejak masa lalu yang gelap?

<http://www.marymartin.com/web?pid=857867>

Tualang / Shaz Johar
Petaling Jaya, Malaysia: Buku Fixi Sdn Bhd, 2023
328p.
9789670042664
\$ 12.45 / PB
280gm.

Tahun 2022, di Tualangville. Seharian sebelum hari jadinya yang ke-13 adalah hari yang malang buat Sufian.

Dia ternampak sesuatu yang dia tak sepatutnya nampak apabila dia masuk ke dalam pondok yang disangkanya terbiar. Demi mengelak rahsia bocor, Sufian bukan sahaja dikejar dan diugut, malah ditolak ke dalam Sungai Tualang.

Mujur dia selamat. Apabila keluar dari sungai, dan disambut seorang budak perempuan, Merah.

Tapi Merah dan orang lain yang ditemuinya tidak tahu nama Tualangville. Mereka memanggil kawasan itu Kampung Tualang. Mereka juga tidak kenal apa itu telefon bimbit, dan bergerak dengan kenderaan yang merupakan bas bersaiz mini.

Sufian berada di zaman bila sebenarnya? Dan dapatkah — atau mahukah — dia pulang?

<http://www.marymartin.com/web?pid=857868>

Introvert / Abstrakim

Petaling Jaya, Malaysia: Buku Fixi Sdn Bhd, 2023

272p.

9789670042527

\$ 12.45 / PB

230gm.

Mereka kata, orang introvert selalunya perahsia dan suka memendam perasaan. Farady mengaku dia memang sukar untuk meluahkan apa yang dia rasa. Sejak kecil dia selalu merasa kesunyian dan sukar untuk mencari rakan yang boleh dia percayai. Selepas ditimpa satu tragedi, Farady naik ke puncak Bangunan Alam dengan satu niat: dia ingin mengakhiri segala-galanya. Tapi hasratnya dipatahkan oleh seorang gadis misteri bernama Haura.

"Percayalah cakap aku. Kau nak hidup, kau tak nak mati. Sebenarnya, kau cuma tak nak rasa sakit lagi. Tapi kau kena percayakan aku. Rasa sakit ini semuanya akan hilang.

Semuanya akan berakhir seiring dengan masa berjalan. Semuanya akan jadi lebih baik." – Haura.

Untuk pertama kali, Farady rasa ada orang yang mendengar suara hatinya yang selama ini tidak didengari sesiapa. Tapi siapakah gerangan gadis misteri yang tiba-tiba muncul di atas bumbung bangunan tinggal itu?

<http://www.marymartin.com/web?pid=857869>

Elitis / Nor Azida Ishak

Petaling Jaya, Malaysia: Buku Fixi Sdn Bhd, 2023

316p.

9789670042428

\$ 12.45 / PB

250gm.

Siapa sangka Danielle diterima masuk ke Duke's College yang elit itu. Semuanya atas budi Uncle D. Tapi yang tak bestnya, dia kena berdepan dengan Hunter yang kekawat nak mampus!

Entah macam mana dia nak sesuaikan diri dengan Hunter dan gengnya yang kaya level petik- jari-semua-boleh-dapat tu.

"Jangan naif sangat, boleh tak? Kau ingat, bila dapat melepak dengan geng Hunter tu, diorang akan terima kau masuk dunia diorang? Kau sedar tak, kita langsung tak setaraf?"

"So, kau nak cakap apa sekarang?"

"Aku nak bagi kau sedar. Bila-bila masa aje, diorang boleh campak kau macam kain buruk.

Percayalah, sebab aku dah banyak kali terkena. Aku dah masak dengan perangai orang macam ni. Depan cakap baik tapi belakang, diorang kutuk macam

kita ni tak ada maruah!"

Danielle bingung. Antara kehidupannya dahulu dan dunia yang baru ditempuhnya, bolehkah dia bertahan?

<http://www.marymartin.com/web?pid=857870>

Asrama:3 / Muhammad Fatrim
Petaling Jaya, Malaysia: Buku Fixi Sdn Bhd, 2023
284p.
9789670042503
\$ 12.45 / PB
205gm.

Lahirnya Dahlia membawa seribu kebahagiaan buat Kalsom dan Rashid yang sudah lama menantikan zuriat. Namun terselit kerisauan di hati Rashid, kerana sumpah keturunan yang diwarisi keluarganya. Apatah lagi seawal usia tujuh tahun lagi Dahlia sudah menunjukkan yang dia bakal mewarisi takdir seperti bapanya, seorang pengait kepala. Kehadiran dan bisikan rogon dalam hidupnya menjadikan Dahlia manusia yang mampu bertindak di luar batasan!

Selepas satu demi satu tragedi berlaku, akhirnya Rashid dan Kalsom terpaksa memilih satu jalan atas dasar kasih sayang, meskipun berat untuk dilakukan.

"Semua ini untuk melindungi, lebih baik mati!"

ASRAMA: 3 merungkai kisah di sebalik takdir Rashi sebagai pengait, juga kebenaran di sebalik peristiwa kebakaran di asrama itu.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857871>

Tomogram / Syafiq Aizat
Petaling Jaya, Malaysia: Buku Fixi Sdn Bhd, 2023
276p.
9789670042466
\$ 12.45 / PB
220gm.

Idris nak mencari roh orang yang hilang, tapi pintu antara dimensi mash tertutup. Jadi dia cuba dapatkan bantuan daripada seorang budak baru untuk melanggar hukum alam tu. Pencariannya itu bagaimanapun tidak semudah yang dijangka. Kali ini dia terpaksa berhadapan dengan hukum alam, realiti sebenar, SCAM, pintu neraka, ibunva, drama jiwa remaja, dan konflik dalamannya lagi.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857872>

Garam / Ruwi Meita
Petaling Jaya, Malaysia: Buku Fixi Sdn Bhd, 2023
288p.
9789670042565
\$ 12.45 / PB
245gm.

Seorang pemain piano di Surabaya ditemui mati, terduduk di depan pianonya, dengan bibir terjahit. Biji matanya dicungkil, meninggalkan lubang hitam yang amat mengerikan.

Rambut palsu

merah panjang menutupi kepalanya. Sementara otak dan organ-organ tubuhnya telah dikeluarkan secara paksa.

Kulitnya pucat seputih garam. Tidak, tidak sekadar seputih garam. Tapi, seluruh tubuhnya itu

benar-benar dilumuri adunan garam.

Inspektor Kiri Lamari, penyiasat kes ini, terus dihantui lubang hitam mata pemain piano. Mata yang mengingatkan Kiri Lamari akan mata ibunya. Yang juga dia temui tak bernyawa puluhan tahun lalu.

Garam? Kenapa garam?

<http://www.marymartin.com/web?pid=857873>

Pembelot / Fatinilam Sari Ahmad
Petaling Jaya, Malaysia: Buku Fixi Sdn Bhd, 2023
260p.
9789670042442
\$ 12.45 / PB
250gm.

Ketika Zaien diupah untuk menulis biografi Tan Sri Jaffar, bekas Perdana Menteri yang digulingkan beberapa tahun lalu, dia tidak pernah menyangka takdir akan membawanya ke Pulau Lissia. Tapi sebaik tiba di pulau itu, barulah dia tahu yang dia sebenarnya perlu menyelesaikan kerja Sharif, penulis yang diupah oleh Tan Sri Jaffar sebelum ini. Malangnya Sharif menghilangkan diri tanpa sempat menyudahkan manuskrip seperti yang dikehendaki. Tanpa sengaja, Zaien terlibat dalam permainan dendam kesumat antara Tan Sri Jaffar, isterinya Puan Sri Noreena dan pembantu peribadinya, Farida. Ketika satu persatu rahsia hidup Tan Sri Jaffar diketahui Zaien, keinginannya untuk menulis kisah silam lelaki itu semakin membuak- buak walaupun dia diberi amaran untuk tidak berbuat begitu. Sanggupkan Zaien mencagarkan hidupnya demi untuk mencapai cita- citanya bergelar penulis terkenal? Apakah Tan Sri Jaffar akan membiarkan saja dia menjadi pembelot?

<http://www.marymartin.com/web?pid=848600>

Blogofobia / Shield Sahrn
Petaling Jaya, Malaysia: Buku Fixi Sdn Bhd, 2023
272p.
9789670042381
\$ 12.45 / PB
230gm.

Demi memikat si gadis jelita di tingkat satu, Ahmad Soleh sanggup mengetepikan sikap penakutnya. Bermula dari satu cerita, blog kisah seram miliknya mula mendapat perhatian. Tidak hanya cerita yang diketahuinya, tapi satu per satu rakan turut sama menyumbangkan cerita untuk Ahmad Soleh muatkan di dalam blognya. Semuanya demi Cik Orked.

Sikap Ahmad Soleh yang khayal dalam dunia kisah seram itu merunsingkan teman baiknya, Abu Seman. Apatah lagi selepas dia menerima satu berita kematian yang mengejutkan. Siapa yang mati dan apa kaitan kematian itu dengan Ahmad Soleh dan blognya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857874>

Aku Di Belakangmu / Abstrakim
Seremban, Negeri Sembilan: WhiteCoat Group Sdn. Bhd. , 2023
508p.
9789672705376
\$ 19.00 / PB
400gm.

Si pembaca menemui sebuah buku yang menenggelamkan waktunya ke dalam 15 hikayat seram dan misteri yang penuh dengan kejutan. Tanpa si pembaca sedar, dia sedang diperhatikan.

Dari mana?

Ada pada tajuknya.

Oleh siapa?

Habiskan dulu membaca.

Cuma satu pesanan sebelum terlupa, jangan baca buku ini dalam gelap. Khuatir.....

<http://www.marymartin.com/web?pid=857875>

Tentang Semua Yang Melelahkan / Elhaura Masyitah

Kuala Lumpur, Malaysia: WhiteCoat Group Sdn. Bhd. , 2023

236p.

9789672705321

\$ 15.00 / PB

200gm.

Setiap orang pasti akan ada fasa-fasa yang baginya terasa begitu melelahkan. Menjalani hidup di titik paling terendah dan sering dipatahkan oleh keadaan.

Sedih, kecewa, bersendirian yang mengejar seorang manusia itu untuk terus tabah menghadapi kenyataan. Semua itu yang membentuk seseorang menjadi lebih dewasa dalam menjalani pasang surut kehidupan.

Semoga buku ini menjadi teman di saat hati terasa lelah, dan ingatlah;

"Ada lelah yang harus dihargai, agar ia menjadi harapan yang bakal ditujui, menjadi sinar walaupun hati dilukai."

<http://www.marymartin.com/web?pid=857876>

Untuk Hati Yang Gagal Dicintai / Awan Wafdan

Kuala Lumpur, Malaysia: WhiteCoat Group Sdn. Bhd. , 2023

146p.

9789672705291

\$ 15.00 / PB

140gm.

Setiap kita, pernah sakit hati apabila mimpi yang diimpi, gagal dikecapi. Setiap kita, pernah mencintai sepenuh hati sehingga membunuh kebahagiaan sendiri. Hati yang gagal dicintai itu, hanya memeluk bayang-bayang rupanya.

Seperti hujan yang hadir seketika membasahi bumi, demikian juga resah dan gundah jiwa manusia. Sakit-sakit itu hanya datang singgah. Kelak mendung berarak, rembulan pun mengintai di langit malam semula.

Memoir ini mengadunkan jurnal dan puisi. Kronologi patah hati yang memutuskan asa.

Konflik hati yang cuba merawat sendiri. Bisik-bisik fatwa agar hati yang gagal dicintai, tetap kuat meniti hari. Kepada Allah diputuskan kembali.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857877>

Mrs NUH: Saat Cinta Hadir Dua Hati Menjadi Satu / Ain Razak

Cheras, Kuala Lumpur: Menara Seni Enterprise, 2023

340p.

9786299770756

\$ 20.00 / PB

405gm.

"Esok tepat jam 8.00 pagi mesti ada depan office aku. No more excusses Ain Nur Jannah. Kau nak tengok muka gemuk kau viral. Silakan bantah cakap aku!" - Nuh Al-Edruz

"Arghhhh.. Hancur percutian aku. Tak guna betul la kau Nuh Al-Edruz! Dasar peguam gemuk!" - Ain Nur Jannah

Disebabkan satu kejadian yang tidak diduga berlaku, hidup Ain Nur Jannah sering diburu. Langsung tiada ketenangan sejak kehadiran peguam yang gila, Nuh Al-Edruz. Siapa sangka pertelingkahan berubah menjadi rasa cinta. Paras tidak menjadi ukuran saat cinta datang. "Aku mandul. Semua salah kau. Aku nak kau bertanggungjawab. Jadi isteri aku!" - Nuh Al-Edruz

Dapatkah Ain Nur Jannah menerima sebuah perkahwinan atas dasar penipuan?

"Jangan tingalkan abang sayang. Abang sayangkan Ain. Abang cintakan Ain. Seluruh hidup Nuh Al-Edruz hanya untuk Ain Nur Jannah" - Nuh Al-Edruz

"Kalau kau sayangkan aku, kalau kau cintakan aku, lepaskan aku Nuh. Biar aku hidup dengan cara aku. Biar aku hidup tanpa bayangan kau. Kau tipu aku. Kau perangkap aku dengan hubungan gila nih! Atas dasar apa perkahwinan ini perlu dipertahankan lagi?!!" - Ain Nur Jannah

MRS NUH menyingkap rasa cinta yang berbeza. Cinta si gemuk buat si gemuk. Masihkah ada rasa bahagia buat mereka?

<http://www.marymartin.com/web?pid=857878>

Jembalang Sakong: Apabila Mitos Dan Realiti Sukar Ditafsirkan... / Khairul Nizam Khairani
Cheras, Kuala Lumpur: Menara Seni Enterprise, 2023

443p.

9786299770732

\$ 17.50 / PB

490gm.

Mahluknya kurus dan tinggi. Tingginya melampaui manusia biasa. Memiliki sepasang sayap. Sentiasa membawa sebilah pisau dan sebatang kayu pancang yang lebih panjang dari ketinggian tubuhnya. Setiap kali ia muncul, ia akan menghasilkan satu bunyi nyaring bersahut-sahutan. - Pakcik Subari

Jembalang Sakong, mahluk mitos yang menjadi buah mulut penduduk daerah Sakong sejak berdekad lamanya. Kemunculannya sering dikaitkan dengan amaran kononnya akan ada malapetaka akan berlaku.

Setelah terlihat kelibat mahluk aneh sewaktu melakukan operasi di Hutan Sakong, Harun dan sepasukan Polis Hutan telah diserang hendap pengganas komunis dan hanya Harun yang terselamat. Setelah pulang ke pangkuan keluarganya, Harun terus diburu jelmaan mahluk aneh itu yang dia percaya adalah Jembalang Sakong. Bimbang keselamatan keluarganya terancam dek mahluk mistikal itu, Harun mengambil keputusan untuk kembali ke Hutan Sakong dan hilang tanpa dapat dikesan.

Berdekad kemudian, sewaktu melalui daerah Sakong, anak Harun iaitu Shakir terlihat kelibat mahluk bersayap yang menyebabkan dia mengalami kemalangan jalanraya dan mengakibatkan dia koma. Setelah tersedar dari koma, Shakir menjadi obses dengan mahluk itu yang dia percaya adalah Jembalang Sakong, mahluk yang sama yang menjadi misteri kehilangan ayahnya.

Kerana obsesinya terhadap Jembalang Sakong, Shakir kembali ke daerah Sakong walaupun ditegah ibunya dan juga kekasihnya, Intan. Berpandukan pada buku nota yang ditinggalkan ayahnya, Shakir cuba merungkai misteri Jembalang Sakong dan kaitan mahluk mitos itu dengan misteri kehilangan ayahnya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=850619>

Healing With Quran / Farhatul Fairuzah

Seremban, Negeri Sembilan: WhiteCoat Group Sdn. Bhd., 2023
307p.
9789672705376
\$ 19.00 / PB
265gm.

Dalam dunia serba moden dan mencabar ini, hidup kita mudah tertekan dan terbeban dengan pelbagai masalah. Dugaan yang datang melanda, adakalanya tidak bertanggung rasanya, baik dari segi fizikal, koma, mental, mahupun spiritual. Fikiran buntu dan perasaan jadi tidak menentu. Pelbagai rasa; kecewa, marah, dendam, iri, sedih, pilu, putus asa dan sebagainya datang mengganggu. Apabila dugaan ini datang bertubi-tubi, semangat untuk terus hidup menjadi pudar dan hidup rasa kosong seperti hilang erti. Ketenangan dan ketenteraman mula menjauhi. Tanpa kita sedari, antidot bagi permasalahan ini semua sebenarnya sentiasa ada di depan mata. Itulah Al-Quran. Di dalamnya terkandung penawar yang mampu menenangkan hati dan menenteramkan jiwa. Kita hanya perlu membaca, memahami dan mendalami isi kandungannya. Healing with Quran membawa pembaca mendekati ayat-ayat Al-Quran yang berkaitan dengan pelbagai masalah yang di hadapi pada masa kini. Terkandung juga panduan untuk kita bersahabat akrab dengan kalam Tuhan ini. Semoga ia menjadi pedoman dan panduan dalam segenap urusan kehidupan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857879>

Mencari Jalan Pulang / Muzuza
Kuala Lumpur, Malaysia: WhiteCoat Group Sdn. Bhd., 2023
240p.
9789672705338
\$ 17.50 / PB
215gm.

Kita semua hakikatnya sedang dalam perjalanan pulang. Persoalannya pulang ke mana? Adakah pulang yang bertuju dan terancang atau tanpa arah sehingga bumi bergoncang? Mencari Jalan Pulang ini adalah perihal perjalanan hamba yang ingin pulang bertaubat kepada Pencipta, cabaran-cabaran yang mungkin dihadapi dan pesan-pesan kekuatan dalam perjalanan mencari sesuatu yang paling berharga dari semua yang berharga; keampunan Allah Azza Wa Jalla.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857880>

Perempuan Yang Membaca & Bahagia / Nursuhada
Kuala Lumpur, Malaysia: WhiteCoat Group Sdn. Bhd. , 2023
296p.
9789672705390
\$ 17.50 / PB
260gm.

Perempuan Yang Membaca dan Bahagia mengajak kita untuk menikmati setiap musim perjalanan- apa-apa yang sudah terjadi, apa-apa yang sedang dilalui, apa-apa yang kita lewati suatu ketika nanti. Semuanya mengandungi erti bahawa hidup ini menyimpan pembelajaran untuk kita pelajari dan nikmati, untuk kita menjadi sebaik-baik manusia yang bernilai dan berbudi. Perempuan Yang Membaca dan Bahagia membawa kita merenung dan melihat jejak-jejak kehidupan- melewati fasa pencarian, menghadapi tentang kesulitan, meraikan perasaan dan

keresahan mengumpul hikmah dan pengalaman, bertumbuh menjadi insan dan menuju kedewasaan.

Perempuan Yang Membaca dan Bahagia memaparkan pengalaman, perasaan dan pemikiran seorang perempuan tentang setiap ruang perjalanan yang menjadi pelajaran hidup untuknya.

Banyak yang telah kita lewati sehingga kita mampu melangkah sejauh ini. Terlalu aneh perasaan yang dihadapi sehingga kita mampu menjadi seseorang yang empati dan lebih bererti. Ada banyak peristiwa yang di alami membuat kita peduli pada diri dan Ilahi. Hari ini kita akan bercanda dan membaca. Mencari ruang untuk menghidupkan jiwa. Memetik hikmah dan makna, dari segala cerita, di setiap perjalanan kita.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857881>

Cahaya di Langit Gaelic: Di manakah jiwa mahu pulang jika tidak pernah mengenali Tuhan yang menciptanya? / Syiffa Rosman

Kuala Lumpur, Malaysia: WhiteCoat Group Sdn. Bhd., 2021

248p.

9789671915240

\$ 15.00 / PB

225gm.

Nuraiman Amni, seorang gadis biasa dari keluarga sederhana tetapi mempunyai impian luar biasa. Ada orang katakan untuk berjaya, kita perlu ada latar belakang keluarga yang bukan biasa-biasa. Nuraiman Amni percaya, maksud mereka bukan biasa-biasa itu adalah semangat dan ketelusan dalam pengharapan kepada Tuhan.

Cahaya Di Langit Gaelic mengisahkan sosok gadis bernama Nuraiman Amni dalam mengharungi cabaran hidup millennial di benua Eropah. Berbekalkan semangat dan pengharapan yang tak pernah putus kepada Tuhan, Nuraiman cuba merealisasikan impian untuk bergelar graduan luar negara walaupun tanpa tajaan biasiswa.

Di bumi Shamrock itu juga dia belajar tentang erti hidup bertuhan yang hakiki menerusi pertemuannya dengan Mikel dan Vivian. Tak mudah menyarungkan pakaian Muslim di Eropah tapi tak bermakna harus dibiarkan terjajah.

Cahaya Di Langit Gaelic adalah sebuah kisah kehidupan dalam memaknai cinta, meneroka cita-cita dan teguh beragama.

<http://www.marymartin.com/web?pid=780171>

Prosa Terpinggir: Esei dari 2004-2021 / Ahmad Murad Merican

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2023

xviii, 238p. ; 23cm.

Include Index

9789834937997

\$ 18.50 / PB

345gm.

Prosa Terpinggir: Esei dari 2004-2021 memuatkan 43 buah tulisan esei Ahmad Murad Merican yang pernah disiarkan menerusi Dewan Masyarakat, Dewan Budaya dan Dewan Sastera; yang telah ditambahbaik dan diperbaiki untuk sebuah penerbitan baharu ini. Semua esei yang pernah diterbitkan digunakan kecuali satu esei. Kolum sulung penulis dalam "Apa Cerita" digunakan sebagai pengganti pengenalan. Kolum bertajuk "Soalan yang Betul dan Kaedah Mencari Budi" digunakan dengan tajuk yang sama disifatkan sebagai Prolog, menyatakan sebab penulis menulis esei-esei yang tersiar itu. Esei sulung penulis di Dewan Sastera bulan Mac 2021 yang bertajuk "Kuasa tidak ketara: Prosa dalam Tradisi Sastera" dianggap sebagai satu rumusan kepada gelombang prosa yang mengharungi persekitaran dan kehidupan kita. Bahawasanya prosa ialah jiwa dan rupa, bagai lagu dan

irama yang tidak dapat dipisahkan. Perspektif kita terhadap persekitaran dan alam dicorakkan oleh bentuk dan makna.

Penulis telah membahagikan buku Prosa Terpinggir kepada empat bahagian mengikut tema yang dianggap dapat menyatukan ruang cetusan sepanjang 17 tahun kebelakangan ini. Bahagian Satu penulis namakan sebagai "Budi dan Nama" mengambil kira unsur-unsur etnisiti dan bahasa, serta isu-isu sifat dan nama. Bahagian Dua disebut sebagai "Watan dan Abadi". Bahagian ini memuatkan keperibadian beberapa tokoh dan negara bangsa yang melihatnya sebagai watak-watak di pentas tamadun dan gagasan negara. Bahagian Tiga diberikan nama "Alam dan Sejarah". Di sini penulis menelusuri beberapa polemik dalam sejarah tanah air serta melihat semula rantau dan alam Melayu. Akhir sekali Bahagian Empat "Kewartawanan dan Surat Khabar" membicarakan tentang surat khabar dan kewartawanan dari imej kewartawanan, surat khabar dan ekspresi masyarakat serta kritikan penulis terhadap ilmu kewartawanan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=855000>

Risalah Tentang Kelazatan Yang Tercela: Terjemahan Risalah Dzam Ladzat al-Dunya / Fakhruddin al-Razi

Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur: IBDE Ilham Sdn. Bhd., 2023

xx, 98p.

9789670037202

\$ 20.00 / HB

205gm.

Keserakahan manusia akan kelazatan duniawi itu tiada bertepi. Darihal makan minum, harta benda, pasangan dan zuriat mahupun kuasa dan pangkat, manusia selaku makhluk tuhan tiada pernah berasa cukup akan nikmat yang dikecap di muka bumi ini. Indera, khayal dan akal sekadar terbelenggu oleh sedap yang sementara dan semu belaka. Fakhruddin al-Razi mengarang tulisan singkat dan padat ini sebagai suatu panduan demi mengecap kelazatan yang mulia sekaligus nasihat tegas demi membentengi diri daripada kelazatan yang tercela.

Keterangan Khat

Hadis pertama dalam Hadis 40 Imam Nawawi: Innamal a'malu binniyat ertinya

"Bahawasanya segala perbuatan itu bergantung pada niat." Ditulis dalam gaya kufi moden.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857882>

Syair Dukana Lubaba / Faisal Tehrani

Bangi, Selangor, Malaysia: DuBook Press, 2023

192p.

9789672108399

\$ 20.00 / PB

168gm.

Syair Dukana Lubaba adalah sebuah syair panjang mengisahkan Lubaba, isteri kepada Abal Fadl Abbas yang menjadi saksi mata tragedi di padang Karbala. Dalam perjalanan ke Iraq, Lubaba mendendangkan rangkaian Syair Adam; dan Syair Noh untuk didengar oleh anak-anak bagi meleakakan mereka oleh jauh pengembaraan. Syair-syair tersebut mengisahkan penciptaan Nabi Adam a.s, kejadian di syurga dan turunnya baginda ke bumi sehinggalah peristiwa pembunuhan Habil. Manakala Syair Noh pula mengisahkan dakwah Nabi Noh untuk mengajak umatnya kepada Allah tetapi dipersendakan dan bagaimana baginda beroleh wahyu untuk membina bahtera. Selepas melihat peristiwa Karbala, Lubaba turut mengikut rombongan Zainab iaitu adik Saidina Hussein ke Kufah, Damsyik dan pulang ke Madinah.

FAISAL TEHRANI adalah penulis novel sohor di Malaysia, yang telah menghasilkan jujukan karya fiksyen dan bukan-fiksyen. Beliau juga sekarang berkhidmat sebagai pensyarah dan penyelidik di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
<http://www.marymartin.com/web?pid=856697>

Tidur: Tahu Caranya, Terokai Rahsianya & Tangani Masalahnya. / Prof, Madya Dr. Mohamed Faisal & Dr. Nurul Yaqeen
Seremban, Negeri Sembilan: WhiteCoat Group Sdn. Bhd. , 2023
352p.
9789672705352
\$ 20.00 / PB
330gm.

Mengambil purata waktu tidur selama 8 jam sehari memberikan purata waktu tidur di sepanjang kehidupan kita selama 229,961 jam. Tanpa kita sedari, itu adalah 1/3 daripada seluruh kehidupan kita.

Buku TIDUR ini merungkai pelbagai misteri, mitos dan sarat dengan tips mengenai tidur dan kehidupan.

- Mengapa perlu tidur?
- Apa yang berlaku ketika tidur dan apa pula yang berlaku jika tidak cukup tidur?
- Mengapa sukar untuk tidur?
- Mengapa kerap mengantuk?
- Adakah kurang tidur boleh menyebabkan penyakit kronik, malah membawa maut?
- Adakah tidur berdengkur bahaya dan bagaimana menanganinya?
- Apakah tabiat tidur yang boleh memberikan kesihatan yang baik dan meningkatkan produktiviti?
- Apakah hebatnya Qailulah/short nap/inemuri?
- Bagaimana menangani jetlag?
- Kafein buatkan tidak boleh tidur?

Semua persoalan ini akan terjawab dalam buku ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857883>

Kitab Tidur Anak Malaysia: Kaedah Tidur Anak 0-6 Tahun, Tenangkan Dan Tidurkan Anak Bagai Pro / Uswatun Hasanah Mohd. Habib
Seremban, Negeri Sembilan: WhiteCoat Group Sdn. Bhd. , 2023
464p.
9789672705345
\$ 35.00 / HB
445gm.

Anak-anak di bawah usia 6 tahun perlukan 12-17 jam sehari khusus untuk tidur sahaja. Ia suatu jumlah yang amat tinggi. Lebih setengah hari! Bukan hanya kuota yang tinggi, anak kecil di bawah usia 3 tahun perlu ulang tidur berkali-kali sepanjang hari. Ini semua demi perkembangan tumbesaran, kesihatan & kemampuan belajar serta meneroka dunia anak kecil. Ia juga demi rehat dan kesihatan mental ibubapa serta penjaga.

Pengalaman penulis selama 13 tahun dengan ilmu dari 5 sijil pentauliahian antarabangsa telah memberi inspirasi kepada beliau untuk menghasilkan Kitab Tidur Anak Malaysia ini dengan misi untuk melihat jutaan ibu bapa dan penjaga di Malaysia yang sengsara, tidak gembira dan stres dalam menghadapi masalah tidur anak, terbantu.

Bila tidur anak bagus, semua orang gembira. Jadilah ibu bapa dan penjaga yang gembira. Terokai ilmunya dari buku ini Kitab Tidur Anak Malaysia.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857884>

Performing Arts / Theater

Ada Apa Dengan Drama Dan Teater? / Zakaria Ariffin

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022

xiv, 262p.

Include Bibliography & Index

9789834934101

1. Malay drama—History and criticism.

2. Theater—History and criticism.

\$ 17.50 / PB

320gm.

Zakaria Ariffin, nama yang cukup dikenali oleh khalayak drama dan teater tanah air. Berdasarkan ilmu dan pengalamannya, Zakaria banyak menulis esei tentang drama dan teater. Penulisannya tentang dua bidang tersebut cukup tuntas, mencakupi aspek Sejarah perkembangan, pemikiran, kegiatan dan kajian berkaitan dengan drama dan teater. Kesemua esei itu dihimpunkan dalam buku ini, yang menjawab soalan Ada Apa dengan Drama dan Teater?

<http://www.marymartin.com/web?pid=822812>

Politics

Siasah Madani / Maszlee Malik / Hamidah Mat

Cyberjaya, Selangor: Kawandanet Sdn Bhd, 2023

300p.

9789670079080

\$ 20.00 / PB

390gm.

Buku ini merupakan satu pandangan luar kotak yang cuba membincangkan idea-idea yang membentuk kerangka politik Islam kontemporari untuk Malaysia Madani dengan membawa warga Malaysia melihat isu politik dan Islam melalui ruang yang lebih segar dan luas berdasarkan kerangka wahyu dan ketamadunan. Pemikiran politik Islam yang dibawa di dalam karya ini adalah berteraskan pandangan sarwa Islam yang diwarnakan ke atas realiti semasa dan juga berpaksikan kerangka Madani.

Berbanding kebanyakan literasi berkaitan politik Islam lain yang sama ada dicorakkan oleh kerangka legalistik hukum (fiqhi), ataupun perbincangan perihal institusi klasik yang pernah diamalkan pada zaman lampau oleh kaum Muslimin, atau lebih kepada retorika fikrah reaksi kaum Muslim kontemporari terhadap suasana politik umat Islam pasca-Khilafah, pendekatan penulis dalam buku ini lebih melihat kepada ruang politik kontemporari Madani (civilized) yang lebih inklusif.

<http://www.marymartin.com/web?pid=853727>

Politik Oposisi / Hamdan Mohd Salleh

Selangor, Malaysia: UNISEL Press, 2023

xvi, 246p.

Include Index.

9789672586753

\$ 35.00 / PB

380gm.

Naskah Politik Oposisi merupakan naskah yang diambil daripada sebahagian tesis PhD Dr. Hamdan Mohd. Salleh yang bertajuk Satu Kajian Tentang Kemunculan, Evolusi dan Penguatan Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) Sebagai Sebuah Entiti Parti Politik Oposisi di Malaysia, 1998-2008 yang telah diselesaikan di Universiti Selangor (UNISEL) pada tahun 2013. Kerangka politik oposisi tentunya merupakan suatu aspek perbincangan yang amat menarik namun bukanlah merupakan satu bidang kajian yang popular di Malaysia. Ada kalanya perkara ini dianggap sebagai satu isu yang boleh menimbulkan keadaan yang sensitif, beremosi dan provokatif. Namun begitu, PRU 2018 dan PRU 2022 telah berjaya mengubah tanggapan ini. Parti-parti oposisi di Malaysia yang sepatutnya menjadi pengimbang (check and balance) dan sebagai kuasa alternatif dalam legislatif sesebuah parlimen kerap dilihat sebagai pembangkang yang tugasnya hanyalah membangkang semata-mata dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi. Naskah Politik Oposisi ini telah memberi tumpuan bermula dengan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada September 1998 yang turut memberi fokus kepada lahirnya gerakan reformasi serta pembentukan Parti Keadilan Rakyat atau lebih dikenali sebagai KEADILAN dan bukan dengan akronim PKR. Kemunculan parti ini sebagai kumpulan oposisi telah mencipta sejarah serta mengubah corak politik Malaysia buat selamanya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=856700>

Sociology / Culture Studies

Melakar Riwayat Baru Hubungan Islam & Barat / Ahmed Paul Keeler. (Translator) Siti Malini Mat

Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur: IBDE Ilham Sdn. Bhd. , 2023

xii, 170p.

9789670037271

\$ 20.00 / PB

195gm.

Islam dan Barat hidup berjiran selama 1,400 tahun. Barat berkembang di bawah bayangan Islam, dan selepas Zaman Renaissance, ia menjadi penakluk dunia lalu memalapkan semua kebudayaan dan peradaban lain-termasuklah Islam. Perubahan ini menjadi titik mula kepada dunia moden, sebuah dunia yang wajahnya tidak kita kenali sebelum ini. Kemanusiaan sedang berhadapan pelbagai jenis kemelut yang mengancam keberadaannya. Manusia diselubungi pelbagai masalah seperti pertambahan mendadak penduduk dunia, ketidakstabilan kewangan, sosial dan politik, peningkatan masalah kesihatan mental yang membimbangkan, ancaman nuklear, dan perubahan iklim. Pada masa yang sama, pemisahan antara Islam dan Barat juga semakin parah.

Dalam buku ini, kita diundang untuk memerhatikan kemelut serta hubungan yang bersimpang-siur antara Islam dan Barat menerusi kaca mata berbeza.

<http://www.marymartin.com/web?pid=856694>

Perpustakaan dan Perkembangan Tamadun / Syed Hussein Alatas

Perak, Darul Ridzuan: Lestari Hikmah, 2023

xxii, 38p.

9789672672036

\$ 10.00 / PB

60gm.

Tulisan Prof. Dr. Syed Hussein Alatas ini memang benar mengingatkan saya kepada pentingnya perpustakaan. Perpustakaan lebih kukuh dari gudang senjata. Senjata dibina untuk membunuh malah meruntuhkan sebuah tamadun, manakala perpustakaan dibina

untuk menyubur dan menghidupkan lagi sejuta nyawa. Tanpa perpustakaan manusia tidak dapat berkongsi pengalaman, pengetahuan dan hak mereka. Perpustakaan yang terjaga rapi akan menghasilkan ledakan ilmu yang luar biasa buat pembacanya.

Hak manusia yang perlu dijaga selain mendapatkan makanan dan perlindungan adalah dengan memastikan setiap dari mereka mendapat hak untuk membaca. Tidak mungkin manusia akan hidup sepenuhnya tanpa membaca. Membaca menghasilkan idea, idea pula akan mengembara walaupun batang tubuh pendirinya sudah berbakti semula kepada alam. Kita tidak mungkin dapat melihat sisi buruk kapitalisme, semangat beragama yang jumud dan keganasan yang menggoncang tanpa adanya pembacaan yang rapi dan berkesan. Di sinilah perpustakaan memainkan peranan. Aroma bukunya bukan saja menenangkan malah memberikan perubahan. Bacalah dan nikmatilah buku ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=857885>
